



27 Februari 2014
27 February 2014
P.U. (A) 51

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN
(JAMBATAN KEDUA PULAU PINANG) 2014

*FEDERAL ROADS
(SECOND PENANG BRIDGE) ORDER 2014*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959

PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN (JAMBATAN KEDUA PULAU PINANG) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 3 Akta Jalan Persekutuan 1959 [Akta 376], Menteri, setelah berunding dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jalan Persekutuan (Jambatan Kedua Pulau Pinang) 2014**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Mac 2014.

Perisytiharan jalan sebagai jalan Persekutuan

2. (1) Bahagian jalan yang dikenali sebagai Jambatan Kedua Pulau Pinang yang bermula dari Persimpangan Bertingkat Batu Maung di koordinat U586043.349, T256371.651 Grid *Rectified Skew Orthomorphic* (RSO) dan berakhir di Persimpangan Bertingkat Batu Kawan di koordinat U581396.462, T276071.127 Grid RSO, kedua-dua jarak diukur dari Persimpangan Bertingkat Batu Maung yang bersambung dengan Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu/Lebuhraya Bayan Lepas, termasuklah Plaza Tol Jambatan Kedua Pulau Pinang, Persimpangan Bertingkat Bunga Cengkih Batu Kawan yang menghubungkan ke jalan utama kawasan pembangunan Perbadanan Kemajuan Negeri Pulau Pinang di Batu Kawan, Plaza Tol Bersepadu Jambatan Kedua Pulau Pinang atau dinamakan Plaza Tol PLUS (Bandar Cassia) dan Persimpangan Bertingkat Batu Kawan yang bersambung dengan Lebuhraya Utara Selatan, iaitu suatu jarak sepanjang 24 kilometer, diisytiharkan sebagai jalan Persekutuan.

(2) Jalan yang diisytiharkan sebagai jalan Persekutuan di bawah subperenggan (1) ditunjukkan dalam peta dalam Jadual.